

CNS9299

U GB 15-07 00187 BB189

bah

MAHATHIR SYORKAN TANAMAN MAKANAN DAN ULAM DIBUAT SECARA ESTET

Maha thir - Tanaman

HULU TERENGGANU, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan supaya tanaman makanan dan ulam-ulaman diusahakan secara estet kerana selain memastikan bekalan yang cukup ia dapat memperkenalkan industri baru berasaskan pertanian kepada rakyat.

Beliau berkata, tanaman tradisi seperti daun pandan, daun kunyit, lengkuas, pucuk gajus dan beberapa spesis lain yang penting dalam masakan tradisional dan moden semakin sukar didapati kerana penanamannya kian berkurangan.

Dengan ini, rakyat dapat menjimatkan belanja dan tidak pula menghadapi risiko menggunakan bahan makanan, perasa atau pewarna tiruan yang diimport sedangkan tanaman-tanaman itu tumbuh terbiar di kawasan rumah masing-masing, katanya.

+Malah makanan kegemaran saya, iaitu laksa, pun sudah hilang keunikan cita rasanya kerana dicampur dengan bahan-bahan perasa tiruan,+ katanya semasa berucap merasmikan Taman Pertanian Negeri Terengganu, Sekayu, di sini petang ini.

Dr Mahathir seterusnya berkata, agensi-agensi pertanian perlu lebih kreatif mengenal pasti tanaman yang sesuai untuk diusahakan secara teratur dan memperkenalkan kaedah penanaman itu kepada penduduk luar bandar untuk meningkatkan sumber ekonomi mereka. -- Lagi

▼15/07/20-19MST

CNS9300

U GB 15-07 00143 BB190

b a h

Mahathir - Tanaman 2 (Akhir) Hulu Terengganu

Hasil keluaran itu juga dapat dipasarkan secara besar-besaran bagi menampung permintaan yang semakin tinggi serta boleh diperkenalkan dalam industri pemakanan diluar negeri, katanya.

Sebelum itu, Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dalam ucapannya berkata, taman pertanian seluas 85.4 hektar itu diwujudkan oleh kerajaan negeri sejak awal 1980-an dengan matlamat untuk memajukan bidang pertanian berasaskan perlancongan.

Taman itu mengandungi spesis tanaman makanan dan ubat-ubatan tradisional yang jarang dilihat.

+Kawasannya yang berdekatan dengan hutan lipur dan air terjun Sekayu, juga dapat menarik perhatian pelancong yang sentiasa dahagakan kedamaian dan kesegaran alam sekitar yang tidak tercemar,+ kata Wan Mokhtar.

Perdana Menteri dan rombongan meninjau ke seluruh kawasan taman itu selama tiga jam dengan diiringi oleh Menteri Besar dan anggota-anggota Exco negeri. -- Bernama

▼15/07/20-20MST